

PENAUNG:

YBhg. Datuk
Zool Azha
Yusof

PENASIHAT:

YBhg. Datuk Dr.
Abdul Rahim
Hj. Nik

KETUA EDITOR:

Dr. Lian Kok Fei

**SIDANG
EDITORIAL:**

Semua warga
Bahagian
Pengurusan
Alam Sekitar
dan
Perubahan
Iklim

EDISI KEDUA
dwibahasa

eBULETIN

Pengurusan Alam Sekitar & Perubahan Iklim

"Green lifestyle starts from you"



Hitting of the Gong to Mark the Launching of AEY 2012

REPORT OF THE ASEAN ENVIRONMENT YEAR (AEY 2012)

The ASEAN Environment Year is celebrated every three years to show case ASEAN's achievements and commitments to environmental management and protection and to promote public awareness on environmental issues in general. The host country is selected among the 10 ASEAN Member States (AMS) alphabetically. It was launched in Brunei in 2000, Cambodia in 2003, Indonesia in 2006 and Lao PDR in 2009. Malaysia hosted the AEY in 2012 with the theme "Environmental Awareness Through Eco-

Schools. The theme was chosen in conjunction with the ASEAN School Awards. Two schools from each AMS were presented the awards, one from each primary school and secondary school category respectively.

The launching and celebration of AEY 2012 was held in Kuala Lumpur on 17-18 July 2012. Eighty-six (86) delegates from ASEAN Member States and ASEAN + 3 countries attended the launching.

Continue on page 2

KANDUNGAN:

AEY 2012.....	1-2
Tema & Logo AEY.....	2-3
Persidangan Rio+20.....	3
CCLP & MIYP.....	4



Head of delegates in ASEAN spirit

From page 1

The delegates include Ministers Responsible for Environment from Brunei Darussalam and Cambodia, Deputy Ministers of Environment of Lao PDR and Republic of Korea. Myanmar was represented by its Ambassador in Kuala Lumpur and Singapore was represented by its High Commissioner. Other AMS were represented by their senior officials. The Minister of Natural Resources and Environment, Dato Sri Douglas Uggah Embas launched the AEY 2012 on the morning of 17 July 2012, followed by country presentations by representatives of the 10 ASEAN countries on policies and programmes of eco-schools in their countries.

Students of the Bukit Damansara Primary School performed the cultural dance during the launching and eco-dance in between the country presentation. The Deputy Minister, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup presented the ASEAN Eco-Schools Awards to the two schools presenting each AMS at the Ministerial Dinner.

The purpose of AEY 2012 not only to share Malaysia's experiences in implementing the eco-schools programme but also to showcase other aspects of successful environmental management. The visit to the SMART Tunnel demonstrated Malaysia's success story in alleviating floods in the city of Kuala Lumpur. The visit to the Kuala Lumpur Eco-Forest at Bukit Nanas showcased our efforts in the conservation of tropical virgin forest right in the centre of Kuala Lumpur city. Delegates were also taken to visit the Tsun Jin Primary School, Kuala Lumpur, one of the recipients of the Eco-Schools Special Award Category in the 2011 Eco-Schools Programme.

The AEY 2012 has achieved its goal to showcase Malaysia's achievements and commitments in environmental management and to share with the other AMS on Eco-

Schools Programme in their countries. Malaysia would like to express its sincere thanks to the delegates, Japan-ASEAN Integration Fund (JAIF) and UNDP for their support in making this event a success.

TEMA DAN LOGO TAHUN ALAM SEKITAR ASEAN (AEY)

Tahun Alam Sekitar ASEAN (ASEAN Environment Year-AEY) diraikan setiap tiga tahun dengan tema yang dipilih oleh tuan rumah. AEY mula diraikan pada tahun 1995 dan susulan kejayaan tersebut negara anggota ASEAN bersetuju untuk mengadakan AEY setiap tiga tahun. AEY seterusnya diadakan dengan tema-tema berikut:

- 2000- di Brunei Darussalam dengan tema : *Our Heritage, Our Future*;
- 2003- di Cambodia dengan tema: *Together Towards Sustainable Development*;
- 2006- di Indonesia dengan tema *Biodiversity: Our Life, Our Future*;
- 2009-di Lao PDR dengan tema: *Ecotourism: Our Nature, Our Culture*; dan
- **2012- di Malaysia dengan tema: Environmental Awareness Through Eco-Schools.**



Students Performing the Eco-Dance at the Country Presentation Session

Malaysia memilih tema yang berkaitan program sekolah lestari sempena penganugerah ASEAN Eco-Schools Awards yang pertama kali diadakan semasa Majlis Makan Malam. Pembentangan mengenai polisi dan aktiviti program sekolah lestari di negara ASEAN telah disampaikan oleh wakil setiap negara selepas Majlis Pelancaran. Sempena AEY 2012 juga satu pertandingan mencipta logo telah diadakan di kalangan warga NRE. Sebanyak 23 penyertaan telah diterima dan logo yang terpilih adalah seperti berikut:



Blog hijau untuk dikunjungi:

THE STORY OF STUFF PROJECT

The Story of Stuff is one of environmental-themed online movies of all time
<http://www.storyofstuff.org/>



LAPORAN SIDANG KEMUNCAK PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU MENGENAI PEMBANGUNAN MAMPAN 2012 -22 JUN 2012 ,RIO DE JANEIRO, BRAZIL

Persidangan Rio +20 adalah satu persidangan yang dihadiri oleh kebanyakan Ketua-Ketua Negara dan adalah penting kepada Malaysia memandangkan negara ini sedang mengalami pembangunan pesat dalam konteks pembangunan lestari. Tujuan persidangan ini diadakan untuk memperbaharui komitmen politik peringkat global terhadap pembangunan mampan; menilai kemajuan dan jurang dalam pelaksanaan keputusan terdahulu, serta mengenalpasti isu dan cabaran baru yang berkaitan pembangunan mampan dengan berpandukan dua tema iaitu Ekonomi Hijau dalam konteks Pembangunan Mampan dan Pembasmian Kemiskinan dan Kerangka Institusi bagi Pembangunan Mampan. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Dato Sri Douglas Uggah Embas telah mewakili Malaysia sebagai ketua delegasi bersama-sama pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang lain di beberapa buah kementerian ke sidang kemuncak ini yang berlangsung selama 3 hari.

Dalam Mesyuarat Peringkat Ketua-Ketua Negara, YB Menteri menonjolkan kejayaan negara dalam memastikan pembangunan yang seimbang dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat dan daya saing negara. Dalam Perbincangan Meja Bulat, YB Menteri menggesa supaya tindakan yang telah digariskan dalam dokumen yang dipersetujui diterjemahkan kepada tindakan konkrit supaya negara-negara membangun dapat membangun dengan lebih berkesandanan saksama kearah mencapai matlamat pembangunan mampan. Mesyuarat 2 hala turut diadakan diantara YB Menteri dengan Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air Singapura

supaya masalah jerebu yang melanda kedua-dua buah negara dapat diatasi dengan berkesan. Kedua-dua negara adalah bersetuju untuk mendapatkan kerjasama daripada Kerajaan Indonesia untuk menghantar pasukan penyelamat ke kawasan titik panas di kawasan tanah gambut yang dikenalpasti melalui peta satelit dan memaklumkan kepada Kerajaan Indonesia. Dalam mesyuarat dua hala diantara YB Menteri dengan Menteri Lingkungan Hidup Indonesia pula, perbincangan juga adalah berkaitan dengan isu jerebu dengan cadangan YB Menteri untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan peralatan yang diperlukan untuk memadamkan kebakaran dan memaklumkan kerajaan Indonesia mempunyai hak mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana syarikat ladang Malaysia yang beroperasi jika kebakaran tanah gambut adalah disebabkan oleh syarikat tersebut.

YB Menteri mewakili YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi sebagai panel sesi 'side event' mengenai Coral Triangle Initiative (CTI) yang bertujuan untuk memperbaharui komitmen terhadap Inisiatif Segitiga Terumbu Karang dan usaha-usaha yang dilakukan oleh negara-negara anggota. YB Menteri telah memaklumkan setakat ini terdapat sebanyak 51 buah kawasan perlindungan marin meliputi kawasan setengah juta hektar saiznya dan Malaysia bercadang untuk menggazetkan 2 buah perlindungan marin iaitu Taman Tun Mustapha dan taman Pulau Liggitan yang merangkumi 1 juta hektar.

CLIMATE CHANGE LEARNING PROGRAMME (CCLP) BIL 2/2012 BERSEMPENA KAMPUS NRE: EXECUTIVE DISCOURSE (NED) BIL 3/2012 DAN 4th MALAYSIAN INTERNATIONAL YOUTH PROGRAMME (MIYP) 2012

Penganjuran sesi kedua CCLP kali ini menampilkan sedikit kelainan dengan pengabungan program dalam Kementerian iaitu Kampus NRE: Executive Discourse dengan program peringkat antarabangsa iaitu 4th Malaysia International Youth Programme 2012.

Penganjuran program ini adalah bersempena dengan sambutan Hari Belia Negara pada 23-27 Mei 2012. NRE telah bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sebagai satu inisiatif program berbentuk ilmiah dan kesedaran mengenai perubahan iklim yang mengabungkan peserta NRE dan peserta luar negara terdiri daripada negara ASEAN, ASEAN +3 dan Negara Komenwel Asia. Tema yang ditetapkan adalah *Youth Awareness on Climate Change*.

Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Dr. Abdul Rahim Hj Nik, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar). Penceramah jemputan terdiri daripada Encik Steve McCoy dan juga Encik Maximilian Tariq Conrad.

Selain sesi ceramah, peserta MIYP turut dibawa ke Paya Indah Wetlands bagi aktiviti penanaman pokok dan penghayatan secara langsung kepentingan tanah lembap dalam ekosistem. Pada majlis tersebut sebanyak 250 anak pokok telah ditanam oleh para peserta.

Sesi CCLP pada kali ini memberi peluang kepada NRE untuk mendidik belia sebagai pewaris masa depan negara untuk menghargai dan mengekalkan kelestarian alam sekitar. Penganjuran program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada warga NRE bahkan juga kepada warga KBS dan peserta belia daripada luar negara.

Kerjasama NRE dan KBS ini telah mencapai objektif untuk meningkatkan kesedaran di kalangan generasi muda akan kepentingan menjaga alam sekitar dalam memastikan keseimbangan ekologi yang mampan.



NRE Goes Green Green Tips

Tahukah anda, cuka boleh membantu membunuh bakteria, kuman dan kulat? Anda boleh mencuba resipi penyegar udara mesra alam ini dan menjadi sahabat kepada alam sekitar!

Bahan-bahan:

1 cawan cuka
5 cawan air
Botol penyembur

Cara-cara:

Campurkan 1 cawan cuka dan 5 cawan air.

Masukkan campuran ke dalam botol penyembur dan semburkan di dalam kediaman anda.

